

03 JUL 2000

Mahathir-MT

MAHATHIR TIBA UNTUK MESYUARAT MT UMNO

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Presiden Umno itu yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali diberikan sambutan meriah oleh kira-kira 1,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali serta para anggota Exco kerajaan negeri adalah di antara mereka yang berada di lapangan terbang menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri.

Perdana Menteri kemudian terus ke kediaman rasmi Menteri Besar di Jalan Tambun untuk mempengerusikan mesyuarat itu, yang pertama di luar ibu pejabat Kuala Lumpur selepas perhimpunan agung Umno pada Mei.

Mesyuarat hari ini juga adalah yang pertama bagi 10 anggota MT Umno yang baru dilantik tiga hari lepas, terutama untuk lima muka baru.

Muka-muka baru itu ialah Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh, Exco Wanita Umno yang juga Pengerusi Bank Rakyat Datuk Dr Nurraesah Mohamad, ketua penerangan Pemuda Umno Azimi Daim dan peguam Azalina Othman.

MT Umno telah membuat keputusan untuk menggilirkan mesyuaratnya secara berselang seli di ibu pejabat dan di negeri-negeri bagi membolehkan para pemimpin parti mendekati diri serta meninjau keadaan parti di peringkat negeri.

Sementara itu Dr Siti Hasmah mempunyai aturcara berasingan dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di sini.

Dr Siti Hasmah, yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), menyaksikan pertandingan persahabatan badminton antara para anggota Bakti, Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri), Badan Amal dan Kebajikan Isteri Negeri Selangor (Balkis) serta Puspanita negeri Perak.

Pertandingan itu diadakan di Dewan Serbaguna di perkarangan kediaman rasmi Menteri Besar sejak pagi ini.

Dr Mahathir, di sebelah petang akan menghadiri majlis jamuan teh di perkarangan kediaman Menteri Besar bersama anggota MT dan anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri.

Pada sebelah malam Dr Mahathir dan isteri, para anggota MT Umno dan pasangan masing-masing, serta pemimpin negeri diraikan pada majlis jamuan oleh Tajol Rosli di kediaman rasminya.

-- BERNAMA

AFY HK RON